

Melayu rugi jika dasar BI ditarik

UM 29 MAR 2005

Oleh ZAINI HASSAN
dan MARHAINI KAMARUDDIN

PUTRAJAYA 28 Mac — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, jika para nasionalis bahasa mahu mengembalikan semula dasar pengajaran Sains dan Matematik ke bahasa Melayu ia akan merugikan bangsa itu sendiri, malah akan melumpuhkan kemajuan mereka.

Bekas Perdana Menteri itu yang memperkenalkan dasar tersebut pada 2003 tetap percaya bahasa Inggeris (BI) merupakan bahasa ilmu dan universal yang amat diperlukan oleh orang Melayu.

● Wawancara bersama Dr. Mahathir — Muka 7

Tanpa menafikan orang Melayu perlu mempunyai semangat nasionalisme yang

kuat, Dr. Mahathir menjelaskan “tapi ia mestilah realistik (dengan suasana semasa)”.

“Kalau kita punya semangat kebangsaan terhad kepada kebolehan kita bercakap dalam bahasa kita, tetapi dalam lain-lain kita bodoh, itu bukanlah sayangkan bangsa sebenarnya.

“Saya sendiri pun — bukan mahu meng-

balik — Dr. Mahathir

angkat dirilah — sebelum mereka (nasionalis bahasa itu) dilahirkan, saya telah pun berjuang untuk bahasa Melayu.

“Saya pernah kata bahasa Melayu bukan bahasa lima juta orang di Semenanjung sahaja, tapi bahasa kepada 200 juta manusia di seluruh Asia Tenggara. Jadi saya pejuang bahasa, tapi saya juga pejuang bangsa, bangsa yang tidak berilmu tidak akan dihormati oleh orang,” katanya dalam wa-

wawancara eksklusif dengan *Utusan Malaysia* di pejabatnya di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Interviu selama 40 minit itu dibuat bagi melihat rasional mengapa dasar itu diperkenalkan oleh Dr. Mahathir ekoran gesaan Kongres Pendidikan Melayu Kedua semalam supaya kerajaan mengkaji semula penggunaan bahasa Inggeris untuk penga-

■ Lihat muka 4

Melayu rugi jika dasar BI ditarik balik — Dr. Mahathir

jaran Sains dan Matematik kerana bimbang ia mengancam kedaulatan bahasa dan jati diri orang Melayu.

Menurut Dr. Mahathir, semasa keputusan mengubah dasar bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris diambil, ia dibuat atas kepentingan orang Melayu sepenuhnya.

Pendekatan 'paksaan' terpaksa diambil kerana jika tidak penguasaan bahasa Inggeris oleh pelajar Melayu tidak akan sama dengan penguasaan cemerlang bahasa Inggeris oleh penuntut bukan Melayu dari sekolah bukan kebangsaan.

Menurut Dr. Mahathir, apa yang dilakukan oleh murid-murid sekolah rendah sekarang (memulakan program bahasa Inggeris itu) merupakan satu pengorbanan bagi membolehkan generasi Melayu akan datang berjaya dalam bidang ilmu.

"Kalau kita tidak mahu korban langsung kita tidak akan maju. Agama kita menyuruh kita korban... tak ada yang korban langsung jadi tak adalah kemajuan," jelasnya.

Sambil merujuk kepada zaman kegemilangan Islam dulu, orang Sepanyol dan Yahudi Sepanyol bercakap dalam bahasa Arab dan boleh tulis bahasa Arab, malah boleh berpantun dalam bahasa itu.

Mengapa? katanya pada masa itu bahasa Arab adalah bahasa ilmu dan orang putih terpaksa belajar bahasa Arab untuk menguasai ilmu.

Tetapi sekarang, jelas beliau alirannya adalah ke arah bahasa Inggeris, kerana ia merupakan bahasa ilmu.

Tanpa melihat agenda yang dibawa oleh kongres itu sebagai satu isu - tapi sedikit terkejut - beliau berkata: "Sekiranya kita nak permudahkan supaya kita semua lulus, kita boleh turunkan benchmark (tanda aras), kita boleh kurangkan pelajaran, kita boleh asingkan yang susah.

"Cuma terima yang senang, jadi kita akan jadi satu bangsa yang hanya nakkan kesenangan yang mudah.

"Saya dah kata berkali-kali - kalau kita nak yang mudah kita boleh. Lebih baik kita jangan berjalan sebab ada kereta. La ni kaki kita hampir lumpuh kerana kita tidak berjalan lagi dah. (Itu) kerana kita nak yang mudah," katanya.

Ditanya apakah isu ini ada kaitan dengan politik, Dr. Mahathir menjawab:

"Itu saya tak mahu komen. Saya cakap secara umum."